

25 JUL 2002

RTM SIAR KLIP VIDEO BARU PAPAR KEBURUKAN PEMIMPIN PAS MULAI ESOK

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Stesen Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan menyiarkan beberapa klip video baru yang mendedahkan keburukan pemimpin PAS dalam berpolitik mulai esok, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin.

Beliau berkata klip video yang diperolehi dari Kelantan itu antara lain akan mendedahkan kenyataan Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mendakwa Tuhan samseng dan juga dakwaan seorang pemimpin parti tersebut yang mengatakan Perdana Menteri (PM) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucah bersama cucunya.

"Kita akan siarkan video klip Nik Aziz kata Tuhan samseng esok, dan seorang pemimpin PAS kata Dr Mahathir tengok video lucah dengan cucu di rumah," katanya pada media selepas majlis penyerahan sijil penghargaan kepada institusi media sempena Hadiah Kewartawanan Malaysia 2001, di sini hari ini.

Katanya semoga dengan tersiarnya klip video itu nanti, ia akan mendapat perhatian dan tindak balas daripada Nik Aziz.

"Kita harap Nik Aziz akan bela bila lihat pemimpin PAS tunjuk PM lihat video lucah dengan cucunya," katanya.

Penyiaran klip-klip video tersebut adalah sebahagian agenda kerajaan untuk mendedahkan keburukan pemimpin PAS supaya rakyat dapat menilai keperibadian pemimpin pembangkang itu.

Sebelum itu RTM pernah menyiarkan klip video peristiwa Memali untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya pelampau agama di negara ini.

-- BERNAMA
SNS AZH HM